



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

MAUIZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 3



TAUBAT

Imam al-Ghazali mendefinisikan taubat pada istilah sebagaimana dengan kitab Minhaj al-Abidin iaitu dengan kerja hati yang apabila tahsil daripada pendapat ulama: Pembersihan dan penyucian hati daripada dosa.

Imam Muslim meriwayatkan bahawa : Sesungguhnya Allah itu membuka tangannya (RahmatNya) di malam agar orang yang berbuat dosa di siang hari mahu bertaubat. Dan Allah membuka tangan-Nya di siang hari agar mahu bertaubat orang yang berbuat dosa di malam hari, sehingga terbit matahari dari tempat terbenamnya.

Berdasarkan Kitab al-Risalah al-Qusyairiyah:

- Sahl bin Abdillah berkata: Taubat adalah jangan lupa dosa kamu.
- Junaid al-Baghdadi berkata: Taubat ialah lupa dosa kamu.
- Al-Nuri berkata: Taubat ialah engkau bertaubat daripada semuanya kepada Allah SWT.

SYARAT TAUBAT

- Meninggalkan dosa dengan sukarela.
- Bertaubat dari dosa yang telah dilakukan.
- Pilihan untuk meninggalkan dosa terbit daripada membesarkan Allah SWT.

HIKMAH TAUBAT

Memberi Peluang
Untuk Bertaubat Ke-
pada Allah SWT

Memberi Ketenan-
gan Hati Kepada
Orang Yang Bertaubat

Mendapat Keam-
punan Dan Petunjuk
Daripada Allah SWT

TAUBAT DITERIMA ATAU DITOLAK ?

Ada sebahagian ulama ditanya, apakah seseorang itu tahu bahawa taubatnya itu diterima atau pun tidak? Lalu ulama itu menjawab, Tidak ada kepastian dalam hal itu. Akan tetapi terdapat tanda-tandanya. Bagi orang yang diterima taubatnya, dia sentiasa menjaga dirinya dari maksiat. Dia suka bergaul dengan orang yang soleh dan menjauhi orang yang fasik. Dia jaga mulutnya, selalu berfikir, bersehid dan menyesal atas dosa yang telah dilakukan.

IMAN SEBIJI DZARRAH

Rasulullah SAW bersabda:

“Barangsiapa yang melakukan kebaikan, meskipun sebesar zarah ia akan melihat balasannya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, meskipun sebesar zarah ia akan melihat balasannya pula”.
(Q.S Al-Zilzal: 7-8)

BERZIKIR SETELAH SUBUH

Nabi berkata “amalan yang lebih mulia daripada bumi dan sisinya adalah berzikir sesudah solat subuh hingga terbit matahari”. Bangun dan melaksanakan solat subuh dapat mencegah daripada serangan angin ahmar dan serangan jantung. Ini kerana gerakan dalam solat meningkatkan kadar Nitrous Oxide iaitu gas yang memastikan kekenyalan pembuluh darah.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

Bahagian Hal Ehwal Islam

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635

